

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Jangkitan kekal lebih 3,000

3,551 kes baharu, 19 kematian babit pesakit berusia 31 hingga 92 tahun termasuk seorang warga asing

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah kes COVID-19 di negara ini kekal melebihi 3,000 semalam, iaitu 3,551 kes yang menyaksikan jumlah kumulatif jangkitan di negara ini meningkat kepada 427,927 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Selangor mencatatkan kes harian tertinggi dengan 1,137 kes termasuk 842 atau 74.1 peratus kes daripada kluster sedia ada serta saringan kontak rapat kes positif COVID-19, diikuti Kuala Lumpur dengan 477 kes (13.4 peratus) dan Sarawak dengan 391 kes (11.0 peratus).

Selain itu, beliau berkata, tiga kes atau 0.1 peratus pula ber-

kaitan kluster dalam pusat tahanan dengan dua kes membabitkan Kluster Tembok Pengkalan Chepa dan satu kes dalam Kluster Pagar Sri Lalang.

"Jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 di negara ini sebanyak 33,762 kes dan 354 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU), manakala 199 kes masih memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, 19 kes kematian dilaporkan semalam membabitkan pesakit berusia 31 hingga 92 tahun termasuk seorang warga asing, membabitkan lima kes dilaporkan di Sarawak, masing-masing tiga kes di Johor dan Selangor, masing-masing dua kes di Kelantan dan Kuala Lumpur serta masing-masing satu kes di Kedah, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu.

Beliau turut memaklumkan, sebanyak 14 lagi kluster baharu dikesan semalam, iaitu lapan di tempat kerja, masing-masing dua dalam kalangan komuniti dan sektor pendidikan termasuk di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) serta masing-masing satu membabitkan kumpulan berisiko tinggi dan keagamaan.

"Kluster tempat kerja itu membabitkan pekerja kilang, kakita-

ngan pentadbiran awam, pekerja pasar raya, pekerja restoran dan syarikat perkhidmatan," katanya.

Kluster Jalan Batu Arang (Gombak) menjangkiti 15 kes; Kluster Industri Platinum (Kuala Selangor) menjangkiti 10 kes; Kluster Persiaran Meru Raya (Kinta dan Manjung di Perak) menjangkiti 14 kes serta Kluster Persiaran Greentown Tujuh (Kinta, Larut, Matang dan Selama) menjangkiti 11 kes.

Selain itu, Kluster Jalan Temangan (Machang) menjangkiti sembilan kes; Kluster Jalan Pertama Empat (Johor Bahru) menjangkiti lapan kes; Kluster Industri Lengkuk Teknologi (Seremban dan Port Dickson) menjangkiti 64 kes dan Kluster Jalan Tunku (Kota Kinabalu, Papar, Putatan dan Penampang) menjangkiti 10 kes.

"Bagi kluster komuniti, ia di-

kenali sebagai Kluster Kampung Chat di Pasir Mas, Kelantan yang menjangkiti 17 kes dan Kluster Indera Mahkota Lima di Kuantan, Pahang yang menjangkiti 18 kes," katanya.

Kluster institusi pendidikan KPM pula membabitkan Kluster Jalan Sungai Merab (Hulu Langat dan Sepang) dengan 10 kes serta Kluster Jalan Teknologi Kota Damansara (Petaling) yang menjangkiti 58 kes, manakala kluster berisiko tinggi ialah Kluster Jalan Korma (Batu Pahat) dengan 25 kes dan Kluster Dah Lubuk Emas (Bandar Baharu, Kedah) yang menjangkiti 12 kes.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan, sehingga jam 12 tengah hari semalam, 2,709 kes sembuh dilaporkan yang menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih sebanyak 392,555 kes.

Jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 di negara ini 33,762 kes dan 354 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi, manakala 199 kes masih memerlukan bantuan pernafasan

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

88 peratus rakyat setuju terima vaksin

Kajian dilaksana KKM bulan lalu babit 15,000 responden

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Kajian Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati 88 peratus rakyat negara ini bersetuju dan bersedia menerima suntikan vaksin COVID-19 menerusi Program Vaksinasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dilaksanakan kerajaan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata hanya terdapat kira-kira 10 peratus yang tidak bersetuju, manakala dua peratus lagi menunjukkan tidak pasti.

Katanya, dapatan kajian itu diperoleh selepas kajian dilaksanakan KKM membabitkan 15,000 responden pada bulan lalu.

"Kajian kita (KKM) yang dijalankan pada bulan lalu terhadap 15,000 responden mendapati 88 peratus rakyat setuju menerima suntikan vaksin, 10 peratus tidak bersetuju dan dua peratus lagi membuat keputusan tidak pasti atas sebab tertentu termasuk membabitkan keselamatan, selain menunggu orang lain membuat suntikan terlebih dulu," katanya pada sidang media selepas membuat lawatan ke Pusat Penerimaan Vaksin (PPV) COVID-19, AMC Medical Clinic, di Seremban 2, di sini, semalam.

Dr Adham berkata demikian ketika mengulas kemungkinan wujud sindrom takut dalam kalangan masyarakat terhadap suntikan vaksin susulan terdapat laporan di beberapa negeri menunjukkan masih ramai in-


dividu atau penerima tidak hadir janji temu yang sudah ditetapkan.

Situasi itu mengganggu kelancaran kakitangan KKM dalam melaksanakan tugas mereka bagi menjayakan PICK yang sudah memasuki fasa kedua ketika ini.

Sementara itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Tenggara, berkata pembabitan hospital dan klinik swasta sebagai PPV dapat melancarkan lagi pelaksanaan PICK.

Beliau berkata, terdapat 2,444 daripada 8,000 klinik di seluruh negara sudah bersedia melaksanakan program vaksinasi berkenaan.

"Setakat ini klinik swasta yang sedia melaksanakan program vaksinasi ini ialah 256 di Johor, Kedah (102), Kelantan (44), Melaka (50), Negeri Sembilan (76), Pahang (71), Perak (137), Perlis (10), Pulau Pinang (109), Sabah (105), Sarawak (94), Selangor (559), Terengganu (45), Kuala Lumpur (260), Labuan (4) dan Pu-



Dr Adham (kiri) meninjau pelaksanaan vaksinasi kepada Loh Teck Chai, di AMC Medical Clinic, Seremban 2, semalam.

(Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

trajaya (12).

"Malahan, setakat ini sebanyak 1,934 klinik sudah menandatangani perjanjian," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, PICK berjalan seperti dijadualkan dan terdapat 3.52 juta dos vaksin Pfizer, Sinovac dan AstraZeneca, tiba pada bulan ini

yang akan dimanfaatkan seramai 1.25 juta penerima.

"Program vaksinasi membabitkan kakitangan kedutaan juga sudah bermula minggu ini dan seramai 4,000 kakitangan serta keluarga mereka akan menerima suntikan di kedutaan masing-masing," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : COVID-19

3,551 kes baharu direkodkan semalam

Kuala Lumpur: Sebanyak 3,551 kes baharu Covid-19 direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) setakat jam 12 tengah hari semalam.

Angka itu sekali gus menjadikan kumulatif kes Covid-19 di negara ini sebanyak 427,927 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 2,709 kes sembuh dengan 33,762 kes aktif dilaporkan semalam.

Menurutnya, Selangor masih kekal merekodkan kes positif harian tertinggi dengan 1,137 kes.

“Hari ini (semalam) Kuala Lumpur merekodkan kes kedua tertinggi dengan 477 kes diikuti Sarawak dengan 391 kes,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, 19 kes kematian dilaporkan membabitkan lima kes di Sarawak, masing-masing tiga kes di Johor dan Selangor manakala dua kes di Kelantan dan Kuala Lumpur serta satu kes di Kedah, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu.

Katanya, sebanyak 18 kematian membabitkan warganegara dan satu kes bukan warganegara.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 28

RUANGAN : COVID-19



PEGAWAI Kesihatan BKKM JKNPP, Mohd Wazir melakukan pemeriksaan ketika operasi bersepadu bersama KPDNHEP Pulau Pinang dan MBSP di dua kilang makanan di Taman Industri Bukit Panchor.

KILANG KUIH KACANG JIJK

Pemilik **tipu** alamat

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Nibong Tebal

Pemeriksaan ke atas sebuah kilang makanan berasaskan bijirin di sebuah kawasan perindustrian, dekat sini, yang ditutup seminggu berikutan tahap kebersihan tidak memuaskan membawa kepada penemuan sebuah lagi kilang makanan yang turut beroperasi dalam keadaan premis yang kotor.

Terdahulu, pagi semalam, anggota Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JK-NPP) memeriksa kilang makanan yang diarah tutup dua minggu lalu bagi memastikan pemiliknya tidak mengulangi kesalahan sama.

Bagaimanapun, pada pemeriksaan yang turut disertai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Kementerian Perdagangan Da-

lam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, pasukan itu mendapati, sebuah lagi kilang makanan berasaskan kuih kacang yang terletak bersebelahan didapati turut mengabaikan tahap kebersihan.

Tinjauan mendapati proses mengendalikan makanan cukup meloyakan apabila pekerja tidak memakai sarung tangan dan meletakkan peralatan seperti bekas pembakar di atas lantai.

Mesin digunakan juga tidak diselenggara dengan baik apabila terdapat habuk dan sawang yang mana ia boleh mencemarkan produk makanan dihasilkan.

Pegawai Kesihatan BKKM JKNPP, Mohd Wazir Khalid berkata, pihaknya dimaklumkan kilang berasaskan bijirin yang sepatutnya ditutup dua minggu dibuka semula selepas membuat rayuan.

"Namun, risikan dijalankan beberapa hari lalu mendapati pemiliknya masih mengabaikan tahap keber-

sihan yang dikehendaki.

"Oleh itu, kita kembali untuk pemeriksaan. Kita dapati, masih ada isu kebersihan yang tidak djatasi melalui penemuan kulat dalam mesin penggaul produk makanan bijirin berkenaan," katanya selepas tamat pemeriksaan.

Menurut beliau, pada masa sama, pemilik juga didapati tidak menyatakan alamat pengeluaran pada label produk makanan dikeluarkannya.

Dibimbangi, sekiranya berlaku kes keracunan makanan, sukar untuk pihak berkuasa mengesan dan melakukan siasatan.

"Justeru, notis amaran dikeluarkan kepada pemilik untuk membersihkan semula premisnya seperti yang dikehendaki.

"Ketika kita sedang melakukan pemeriksaan di kilang bijirin itu, kita dapati, kilang makanan yang terletak bersebelahan turut beroperasi dalam keadaan kotor," katanya.

Mohd Wazir berkata, pemeriksaan di kilang makanan berasaskan kuih kacang itu mendapati selain pengabaian tahap kebersihan, pemilik juga menggunakan alamat berlainan daripada lokasi produknya dikeluarikan.

"Kita dapati pemilik dipercayai cuba menipu. Alamat digunakan pada label produknya berbeza, kesalahan ini nampak kecil, tetapi sangat serius terutama jika berlaku keracunan makanan.

"Kita membuka kertas siasatan berhubung kesalahan ini selain mengeluarkan kompaun RM3,500 kerana pemilik menggajikan pekerja tanpa mendapatkan suntikan antitifoed mengikut Peraturan 11(2), peraturan Kebersihan Makanan 2009," katanya.

Menurut Mohd Wazir, premis kedua itu gagal dikesan sebelum ini kerana lokasi di situ tidak menggambarkan suasana seperti sebuah kawasan perindustrian sepenuhnya walaupun terletak bersebelahan.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

19 kematian, kes harian masih 3,000

PUTRAJAYA – Angka kes kematian Covid-19 di negara ini terus meningkat dengan penambahan 19 kes semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian terkini sebanyak 1,610 kes.

Ia dilaporkan di Sarawak, Johor, Selangor, Kelantan, Kuala Lumpur, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang serta Terengganu melibatkan 14 lelaki dan lima wanita berusia antara 31 hingga 92 tahun dengan pelbagai latar belakang penyakit.

Jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 pula kini mencecah 427,927 kes iaitu pertambahan 3,551 kes harian negara semalam, dengan angka kebolehhangkitan pula sebanyak 33,762 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor melaporkan kes tertinggi sebanyak 1,137 kes dengan 842 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat, diikuti oleh Kuala Lumpur sebanyak 477 kes dan Sarawak sebanyak 391 kes.

Menurutnya, terdapat tiga kes yang dilaporkan berkaitan kluster di pusat tahanan melibatkan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (dua kes) dan Kluster Pagar Sri Lalang (satu kes).

“Sebanyak 96 kluster merekodkan pertambahan kes dengan peningkatan tertinggi membabitkan Kluster Jalan Besar Sungai Jawi (94 kes), Kluster Jalan Padang Tembak (75 kes) dan Kluster Industri Lengkok Teknologi (59 kes).

“Terdapat 14 kluster baharu melibatkan lapan kluster tempat kerja, masing-masing dua kluster komuniti dan kluster sektor pendidikan termasuk

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	3,551
Import:	16
Tempatan:	3,535
Pulih	2,709
Kematian	19
Masih dirawat	32,762
Jumlah kes sembuh	392,555
Jumlah Kematian	1,610
Jumlah kes keseluruhan	427,927

satu kluster institusi pendidikan Kementerian Pendidikan serta masing-masing satu kluster kumpulan berisiko tinggi dan kluster keagamaan,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, kluster baharu tersebut ialah Kluster Jalan Batu Arang (15 kes), Kluster Industri Platinum (10 kes), Kluster Persiaran Meru Raya (14 kes), Kluster Persiaran Greentown Tujuh (11 kes) dan Kluster Jalan Temangan (sembilan kes).

“Selain itu, Kluster Jalan Pertama Empat (lapan kes), Kluster Industri Lengkok Teknologi (64 kes), Kluster Jalan Tunku (10 kes), Kluster Kampung Chat (17 kes) dan Kluster Indera Mahkota Lima (18 kes).

“Kluster lain ialah Kluster Jalan Sungai Merab (10 kes), Kluster Jalan Teknologi Kota Damansara (58 kes), Kluster Jalan Korma (25 kes) serta Kluster Dah Lubuk Emas (12 kes),” jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Keberkatan

Selangor terus rekod kes tertinggi

3,551 kes baharu Covid-19 dilaporkan melibatkan 19 kematian

KUALA LUMPUR



DR NOOR HISHAM

Malaysia pada Khamis merekodkan 3,551 kes baharu Covid-19 menjadikan kes kumulatif Covid-19 di dalam negara kini 427,927.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi hantaran di laman Twitternya berkata, daripada jumlah itu dalam tempoh 24 jam lepas, Selangor masih merekodkan jumlah kes tertinggi melibatkan 1,137 kes diikuti Kuala Lumpur (477) dan Sarawak (391).

Kelantan pula mencatatkan 326 kes, diikuti Pulau Pinang (305); Johor (258); Perak (137); Kedah (112); Pahang (97); Negeri Sembilan (85); Melaka (82); Sabah (69); Terengganu

(58); Putrajaya (12); Perlis (tiga) dan Labuan (dua).

Sementara itu, dalam kenyataan medianya, Dr Noor Hisham berkata, dalam tempoh 24 jam lepas juga, sebanyak 2,709 kes sembuh dicatatkan menjadikan jumlah kumulatifnya 392,555 kes manakala kes aktif kini 33,762.

Beliatu berkata, sejumlah 354 kes ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU) dengan 199 daripadanya memerlukan bantuan alat pernafasan manakala jumlah kematian akibat pandemik itu meningkat kepada 1,610 kes susulan 19 kematian baharu dilaporkan pada Khamis.

Katanya, terdapat 14 kluster baharu dikenal pasti melibatkan lapan kluster tempat kerja, masing-masing dua kluster komu-

niti dan sektor pendidikan termasuk satu kluster institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta masing-masing satu kluster kumpulan berisiko tinggi dan kluster keagamaan.

Kluster tempat kerja berkenaan ialah Kluster Batu Arang dan Kluster Industri Platinum di Selangor; Kluster Persiaran Meru Raya dan Kluster Persiaran Greentown Tujuh di Perak dan Kluster Jalan Temangan, Kelantan.

Kawasan lain yang terlibat Kluster Jalan Pertama Empat, Johor; Kluster Industri Lengkuk Teknologi, Negeri Sembilan dan Kluster Jalan Tunku di Sabah.


"Kluster komuniti pula ialah Kluster Kampung Chat di Ke-

lantang dan Kluster Indera Mahkota Lima di Pahang manakala kluster sektor pendidikan ialah Kluster Jalan Sungai Merab (institusi pendidikan KPM) dan Kluster Jalan Teknologi Kota Damansara (pendidikan lain) di Selangor.

Menurut Dr Noor Hisham, sebanyak tujuh kluster tamat pada Khamis menjadikan jumlah keseluruhan kluster yang ditamatkan ialah 1,322 kluster manakala jumlah kluster aktif ialah 418.

Tujuh kluster yang tamat adalah Kluster Bukit Sera; Kluster Danan; Kluster Jalan Kubota Sentral; Kluster Jalan Kenanga; Kluster Pagar Bukit Chagar; Kluster Tembok Taiping dan Kluster Jalan Taming. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



BERSEKUTUAN MAMPU

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

PICK ikut jadual - Dr. Adham

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul isa@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Fasa ketiga pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) akan berjalan seperti yang dijadualkan kerana lebih banyak dos vaksin akan tiba di negara ini pada bulan ini dan bulan-bulan mendatang.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, untuk bulan ini, sebanyak 3.52 juta dos vaksin daripada Pfizer-BioNTech, Sinovac, dan AstraZeneca akan diterima, diikuti kira-kira tiga juta dos lagi pada bulan hadapan dan lebih banyak stok pada bulan seterusnya.

"Walaupun Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi beritahu kita ada masalah bekalan, tetapi Kementerian Kesihatan yang membuat perolehan, kita telah dapat mengesahkan penghantaran vaksin itu mengikut jadual yang kita mahukan...fasa ketiga akan mengikut jadual," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 3.52 juta dos yang diperolehi pada bulan ini adalah un-



DR. Adham Baba melihat Loh Teck Chai yang berusia 75 tahun menerima vaksin Covid-19 semasa melawat AMC Medical Clinic di Seremban, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

tuk dua kali pemberian vaksin yang bermakna, 1.76 juta orang penduduk akan mendapatkan imunisasi.

"Bulan Jun, Julai, Ogos akan lebih banyak sampai, jadi kita yakin akan dapat buat vaksinasi lebih pantas," katanya selepas melawat AMC Medical Clinic di sini seba-

gai persiapan bagi pelaksanaan PICK di fasiliti perubatan swasta.

Dalam pada itu, Dr. Adham memberitahu, sebanyak 299 buah hospital dan klinik swasta di seluruh negara sudah mula beroperasi dan bersedia untuk dijadikan sebagai pusat pemberian vaksin (PPV).

Katanya, jumlah tersebut adalah sebahagian daripada 2,448 buah hospital dan klinik swasta yang telah pun berdaftar untuk dijadikan sebagai PPV.

"Mereka (penerima vaksin) datang ke klinik swasta ini tidak perlu bayar dan pihak klinik memberikan vaksinasi mengikut prosedur standard operasi (SOP) yang telah ditetapkan.

"Ketika ini, sebanyak 37 buah klinik swasta telahpun 'rolled out' sepanjang dua hari lepas," katanya.

Sementara itu, beliau memberitahu, hasil kajian yang dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan pada bulan lalu terhadap 15,000 orang responden, 88 peratus daripada mereka bersetuju untuk menerima vaksin.

"Sebanyak 10 peratus tidak bersetuju dan selebihnya tidak pasti. Antara yang tidak pasti antara sebab mereka tidak bersetuju adalah kerana bimbang mengenai tahap keselamatan malah ada yang mahu menunggu dahulu dan ingin melihat kesan vaksin itu kepada individu lain," kata Dr. Adham.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : DALAM NEGERI

'Ada nak pesan apa pada keluarga?'

Oleh ZAAIN ZIN


zaain.zin@mediamula.com.my

KOTA BHARU: Ketika dirinya yang kritikal akibat Covid-19 disorong masuk ke unit rawatan rapi (ICU) Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), pendakwah muda dan pengasas Pondok Raudhatul Sakinah, Ustaz Azil ditanyakan soalan yang membuatnya terkedu.

"Sebelum masuk ICU ni, ustaz ada nak pesan apa kepada keluarga? Saya boleh tolong sampaikan," demikian soalan itu, menjadikan Ustaz Azil, 34, atau nama sebenarnya Mohd. Azil Yaacob kelu lidah dan sebak kerana terbayangkan kematian.

"Kalau orang lain mungkin boleh tinggalkan pesan kepada isteri dan anak-anak, saya tidak ada siapa kerana masih bujang. Hakikat itu buat saya bertambah sedih namun reda dengan apa sahaja ketentuan Allah SWT.

"Saya minta doktor sampaikan pesanan supaya keluarga dan sahabat teruskan usaha kami membina masjid dan sekolah pondok di Tanjung Mas. Masjid sudah 95 peratus siap, sekolah pondok pula akan mula dibina selepas raya," katanya.



KEADAAN Ustaz Azil ketika mendapat rawatan di HRPZ II, Kota Bharu, Kelantan, selepas disahkan positif Covid-19 hujung Januari lalu. - IHSAN USTAZ AZIL

Berkongsi pengalaman dilaluinya pada penghujung Januari lalu itu kepada *Utusan Malaysia*, Mohd. Azil berkata, akibat serangan Covid-19, hidupnya berubah sekelip mata sehingga terpaksa bertarung nyawa di

ICU selama dua minggu.

Pada mulanya mengadu mengalami kesukaran bernafas dan sebaik sahaja disahkan positif Covid-19 tahap 4, dia segera dibawa ke wad oleh petugas hospital yang memakai perala-

tan perlindungan diri (PPE).

"Beberapa jam kemudian keadaan saya bertambah kritikal kerana paru-paru mula dijangkiti kuman dan perlu segera dimasukkan ke ICU. Doktor kata saya masih ada peluang kerana

faktor usia muda.

"Saya perbanyakkan zikir dan doa kepada Allah SWT. Perasaan ketika itu bercampur-baur. Takut ada, sedih ada, terkilan pun ada kerana tidak ada peluang bertemu ahli keluarga. Terus masuk ICU," katanya.

Menurutnya, dua minggu ditempatkan di ICU, dia satu-satunya pesakit yang masih sedar dan mampu bercakap manakala pesakit lain silih berganti dengan setiap satu berakhir kematian.

Dia juga menjadi saksi kepada ketabahan doktor dan jururawat yang bertungkus-lumus cuba menyelamatkan nyawa para pesakit Covid-19 kategori kritikal yang rata-ratanya warga emas.

"Jika jururawat masuk dan kemaskan katil sebelah, saya sudah tahu ada kematian dan Allah SWT sahaja yang tahu perasaan sedih melihat jenazah pesakit dibawa keluar oleh petugas yang berpakaian PPE," katanya.

Mohd. Azil bersyukur kerana nyawanya masih panjang dan menganggap pengalaman itu 'dipinjamkan' Allah SWT seketika untuk merasai sendiri betapa ancaman Covid-19 itu wujud sebelum berkongsi perkara itu kepada masyarakat.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Bazaars, malls visited by Covid-19 positive individuals identified

KUALA LUMPUR: The Federal Territories Ministry has identified and monitored several Ramadan bazaars and shopping malls in the federal capital that were visited by hundreds of Covid-19 positive individuals and close contacts.

Its minister Tan Sri Annuar Musa said the list, which was based on data collected from the Hotspot Identification by Dynamic Engagement (HIDE) system, would be brought to the National Security Council (NSC) meeting today.

"Health Minister (Datuk Seri Dr Adham Baba) has forwarded the list to me.

"There are some shopping malls in Kuala Lumpur that have been visited by 700 people who are close contacts.

"This is dangerous, such places need to be sanitised and the SOP tightened," he told a

press conference yesterday.

He said any decision to be made by the local authorities would be consulted first with the Health Ministry.

Annuar said he hoped city dwellers would continue to comply with the SOP to ensure the effectiveness of the movement control order enforced here beginning today until May 20.

"I hope there is no confusion among traders.

"Business operations, including the Ramadan bazaars, are allowed and the Aidilfitri bazaars can continue based on the operating time set by NSC.

"If there is information from HIDE or non-compliance, the local authorities can issue the cease operation order," he said. — Bernama

No letting up as new Covid-19 cases remain above 3,500

PUTRAJAYA: Malaysia's daily Covid-19 cases remained above the 3,500 mark, with nearly half of the infections recorded in the Klang Valley.

In his daily Covid-19 press update, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country registered another 3,551 Covid-19 cases.

Selangor had 32% of the country's new cases, after reporting 1,137 more infections.

"Of Selangor's total, 74.1% (842 cases) have been uncovered from clusters and contact tracing activities," said Dr Noor Hisham.

Kuala Lumpur has 477 new cases – the second highest of all states.

Six other states also recorded three-digit figures in their daily caseload.

They were Sarawak with 391, Kelantan with 326, Penang with 305, Johor with 258, Perak with 137 and Kedah with 112.

As of yesterday, Malaysia's cumulative Covid-19 infections stood at 427,927.

"There were 19 deaths in the country, which were reported in Sarawak (five), Johor (three), Selangor (three), Kelantan (two), Kuala Lumpur (two), Kedah (one), Negri Sembilan (one), Pahang (one) and Terengganu (one)," said Dr Noor Hisham.

"Of the deaths between the ages of 31 and 92, 18 were Malaysians while one was a foreign citizen."

There are currently 354 patients being treated at the intensive care unit (ICU) of hospitals nationwide. About 199 of them require ventilator support.

Another 2,709 patients were discharged, taking the total recoveries to 392,555 (91.7%).

The ministry has also identified 14 new Covid-19 clusters in the country, taking the number of active ones to 418.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

'Vaccination plan on track'

Adham: No delays, programme may even end ahead of schedule

**BATTLING
COVID-19**

By **SARBAN SINGH**
sarbans@thestar.com.my

SEREMBAN: The National Covid-19 Immunisation Programme is well on track and may even be completed earlier than scheduled, says Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba as he rubbished a potential delay due to vaccine shortage.

He said Malaysia would receive 3.52 million doses of vaccines from Pfizer, Sinovac and AstraZeneca this month alone, which would benefit 1.25 million people.

"The amount will increase in the coming months. We are confident that we can carry out the programme faster.

"I can confirm that the delivery is on schedule since the Health Ministry is handling the procurement," he said after observing a vaccination exercise at a private medical centre in Seremban 2 here yesterday.

On Wednesday, Science, Technology and Innovation Minister Khairy Jamaluddin said the vaccination plan might be delayed as pharmaceutical companies were prioritising rich countries.

He said many Malaysians wanted to get vaccinated, but there was not enough stock at present.

He, however, said there would be more slots for vaccination from June as richer countries had already inoculated most of their citizens.

Dr Adham said the second phase



Careful process: Dr Adham (left) looking on as a doctor prepares to vaccinate senior citizen Loh Teck Chai (sitting) at a private medical centre in Seremban 2. — Bernama

of the programme, which was initially supposed to begin this month, was brought forward to April 19 and would run until August.

"From June, we will have a surplus in supply. This will allow us to continue with the programme even faster," he said.

Some 9.4 million people comprising the elderly, the chronically ill and those with disabilities will receive their shots during the period.

Some 500,000 teachers from the public and private sectors have also been included in the second phase.

Dr Adham said 2,448 private clinics had registered with the ministry to help with the programme, with 1,934 having signed the letter of agreement

while 37 had started work.

He said those who get their vaccine jabs at these private facilities would not be charged.

Selangor had the highest number with 559, followed by Kuala Lumpur (260), Johor (256), Perak (137), Penang (109), Sabah (105), Kedah (102), Sarawak (94), Pahang (71), Negri Sembilan (76), Melaka (50), Terengganu (45), Kelantan (44) Putrajaya (12), Perlis (10) and Labuan (four).

Dr Adham also said the Cabinet had agreed at its last meeting to let foreign missions run their own vaccination programmes.

"They can bring in vaccines approved by the government for their diplomats, counsellors and depend-

ants. Based on estimates, there are 4,000 of them in Malaysia," he said.

He added that these missions would have to engage doctors from the private clinics to administer the shots.

On reports that some Malaysians had registered but failed to turn up to be vaccinated, Dr Adham said some might have adopted the wait-and-see approach.

He said a local study involving 15,000 respondents in April showed that 88% were agreeable to getting the shots.

He also said the ministry had not received any reports of adverse effects from Malaysians who had received the AstraZeneca vaccine.